



## **SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

### **PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)**

**Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.**

#### **TRADESMAN TINGKAT I (E.1-2-3 EB.4) JABATAN-JABATAN KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

##### **Syarat-Syarat Am:**

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**TRADESMAN TINGKAT I**  
**JABATAN-JABATAN KERAJAAN**  
**E.1-2-3 EB.4 (\$515 - \$875 SEBULAN)**  
**KEKOSONGAN = DUA (02)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) Lulus Penilaian Menengah Bawah (PMB) atau sebanding.

**ATAU**

- b) *BDTVEC National Trade Certificate Grade 3 (NTC3) / BDTVEC National Vocational Certificate (NVC)* atau sebanding dalam bidang bersesuaian.

**ATAU**

- c) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji F.3 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji F.1 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.
2. Mempunyai lesen memandu kelas 3 yang sah (tidak mansuh). Pemohon yang mempunyai lesen memandu kelas 5 yang sah (tidak mansuh) adalah kelebihan.
3. Berpengalaman dan berkebolehan dalam membaiki kerosakan-kerosakan kecil kenderaan ringan dan mesin adalah kelebihan
4. Mempunyai pengetahuan / pengalaman dalam kerja-kerja *welding* dan membaiki jentera-jentera kenderaan adalah kelebihan.

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

**DI PEJABAT DAERAH BRUNEI DAN MUARA**

1. Mengendalikan semua jenis-jenis kenderaan bermotor tidak termasuk jentera-jentera berat di Jabatan Daerah Brunei dan Muara;



2. Mengendalikan kerja-kerja pemeliharaan dan pembaikan kepada kerosakan kenderaan-kenderaan yang terdapat di Jabatan Daerah Brunei dan Muara;
3. Memastikan kesempurnaan dan keselamatan kenderaan-kenderaan yang selesai diperbaiki sebelum digunakan;
4. Melaporkan kerosakan kenderaan-kenderaan kepada *Tradesman* Tingkat Khas;
5. Memelihara perkakasan pembaikan *Tools* sentiasa dalam keadaan bersih dan teratur; dan
6. Menerima dan menjalankan tugas-tugas lain serta arahan daripada pihak atasan dari semasa ke semasa sama ada di dalam mahupun di luar waktu pejabat terutama acara-acara dalam majlis-majlis yang diungkayahkan dan diselaraskan oleh Jabatan Daerah Brunei dan Muara.